



# BULETIN IKIM

اينستيتوت كفافهم اسلام مليسيا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA  
INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

## PROF. EMERITUS TAN SRI DR. MOHD KAMAL BIN HASSAN DILANTIK SEBAGAI PENERUSI IKIM DAN DATUK WAN MOHAMAD BIN SHEIKH ABDUL AZIZ SEBAGAI TIMBALAN PENERUSI IKIM



Dari kiri ke kanan : Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan , Pengerusi IKIM , YB Senator Datuk Hj. Idris bin Ahmad , Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Datuk Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM dalam majlis penyerahan surat perantukan pada 25.2.2022.

Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan telah dilantik sebagai Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), manakala Datuk Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi berkuatkuasa pada 25 Februari 2022.

Majlis penyerahan surat pelantikan telah disampaikan oleh YB Senator Datuk Idris bin Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada majlis khas di Putrajaya pada 25 Februari 2022.

Pelantikan tersebut berdasarkan ketokohnya sebagai seorang pemikir Islam yang banyak memberikan sumbangan besar kepada dunia akademik, penyelidikan, pendidikan dan pembangunan modal insan serta diiktiraf di peringkat antarabangsa. Gabungan kewibawaan kedua-dua tokoh ini akan menerajui kecemerlangan IKIM, sesuai dengan visi dan misi penubuhannya.

## PROF. MADYA DR MOHAMED AZAM BIN MOHAMED ADIL DILANTIK SEBAGAI KETUA PENGARAH IKIM KE - 6



Majlis penyerahan surat pelantikan Ketua Pengarah IKIM baharu oleh YB Senator Datuk Haji Idris bin Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kepada Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil pada 3 Februari 2022 di Pejabat Menteri di Kompleks Islam Putrajaya (KIP).

Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil dilantik sebagai Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ke-6 berkuat kuasa pada 3 Februari 2022. Beliau menggantikan Prof. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin yang menyandang jawatan tersebut selama tiga penggal dari 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2022. Surat pelantikannya -

diserahkan secara rasmi oleh YB Senator Datuk Haji Idris bin Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Prof. Madya Dr Mohamed Azam dilahirkan pada 18 Jun 1966 dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang syariah daripada Universiti Malaya (UM) pada 1990. Menyambung pengajian pasca sarjananya sehingga memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam jurusan undang-undang pada 2007 daripada *School of Oriental and African Studies (SOAS)*, University of London, United Kingdom (UK). Kerjayanya dalam dunia akademik bermula di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari 1990 hingga 2020. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) dari 1 April 2013 hingga Februari 2022. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Kumpulan CIMB dari 2014 hingga 2017.

IKIM mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas pelantikan ini. Bersandarkan pengalamannya yang luas, Prof. Madya Dr Mohamed Azam dipercayai dapat memacu IKIM mencapai wawasannya untuk menjadi Institusi Kefahaman Islam bertaraf antarabangsa.

Pada 27 Mac 2022 Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan Ceramah bertajuk “Isu-Isu Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah di Malaysia dalam Program Wacana Pengurusan Persatuan Ulama” Malaysia (PUM), Pembentangan dalam Persatuan Ulama’ Malaysia (PUM).

Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, telah membuat pembentangan bertajuk “Faham Bahasa dan Istilah Kunci” anjuran Himpunan Keilmuan Muslim pada 5.2.2022.

Felw Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), En. Mohd Khairul Azhar bin Idris telah membentangkan kertas kerja dalam Program Pakar Psikososial anjuran HFA Autisme & Ibubapa, PDK Autisme Berkefungsian Tinggi, Cyberjaya pada 17.1.2022.

Felw Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), En. Mohd Khairul Azhar bin Idris menyampaikan ceramah bertajuk “Persediaan Menjaga Kesehatan Emosi dan Psikologi Menuju ke Fasa Endemik” secara dalam talian anjuran Bank Negara Malaysia, pada 18.2.2022.

Felw Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), Pn. Suzana binti Samsudi telah menyampaikan pembentangan bertajuk “*Waqf and Wealth Management: A Malaysian Perspective*” dalam program CIBAFI Technical Workshop on “*Wealth Management and Financial Planning*” secara dalam talian pada 6.3.2022.

Pengarah Pusat Kajian Sains & Alam Sekitar, Dr. Sh. Mohd Saifuddeen bin Sh. Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja bertajuk “*Role of Ethics in Scientific Research and Technological Development*” dalam program Wacana Intelektual Siri 1/2022 anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 3.1.2022.

## PERSIDANGAN MEJA BULAT KELUARGA MALAYSIA KELUARGA SEJAHTERA



Dari kiri ke kanan: YBhg. Dato’ Dr. Sirajuddin Bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, YB Senator Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dalam Persidangan Meja Bulat Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera.

Dalam usaha menyahut baik seruan Keluarga Malaysia yang dibawa oleh YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri, YB Senator Datuk Hj. Idris Bin Hj Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengengerusikan Persidangan Meja Bulat Keluarga Malaysia, Keluarga Sejahtera yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 8 Februari 2022.

Persidangan ini telah dihadiri oleh ketua-ketua agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

## WEBINAR “MENANGANI ISU EKONOMI GELAP & KARTEL”



Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan aluan sempena Webinar “Menangani Isu Ekonomi Gelap & Kartel” yang berlangsung secara dalam talian pada 11 Januari 2022.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan satu program Webinar bertajuk “Menangani Isu Ekonomi Gelap & Kartel” secara dalam talian pada 11 Januari 2022 yang melibatkan para peserta daripada pelbagai latar belakang, seperti pembuat dasar, pentadbir, ahli akademik, penjawat awam dan individu.

Webinar dimulakan dengan ucapan oleh YBhg. Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM, menyampaikan ucapan yang menyentuh perihal anggaran saiz ekonomi gelap di Malaysia sebesar sekitar 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019.

Seramai tiga orang pakar telah membentangkan kertas kerja iaitu YBhg. Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai, YBrs. Tuan Hj. Hamilye Sham bin Harun dan YBrs. Tuan Hj. Md Alimuddin bin Rahim, Setiausaha Agung/Pengarah Eksekutif.

Webinar ini berjaya mengumpul buah fikiran berkenaan cadangan yang dapat membantu negara mengatasi isu ekonomi gelap dan kartel daripada terus membarah.

## WEBINAR “PEMBANGUNAN KANDUNGAN DIGITAL KE ARAH MELAHIRKAN GENERASI BERMINDA ISLAMI”



Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan Webinar bertajuk “Pembangunan Kandungan Digital Ke Arah Melahirkan Generasi Berminda Islami” pada 8 Mac 2022 dengan menampilkan pakar-pakar berwibawa iaitu ialah Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Masnan, Pensyarah Kanan Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI, Prof. Madya Dr. Mastura binti Badzis, Pensyarah Kanan Kuliyyah Pendidikan, UIAM, Pn. Hajah Siti Fatimah binti Abdul Rahman, Felw Kanan IKIM, Encik Karyabudi bin Mohamed Aris, dari syarikat Les Copaque Production Sdn. Bhd. dan Encik Nabil bin Baharom, Pengarah Mina Mila, Durioo Sdn. Bhd.



Webinar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat berkaitan keperluan mewujudkan kandungan digital untuk membangunkan minda Islami dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam ucapan perasmian webinar ini, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, selaku Ketua Pengarah IKIM juga telah melancarkan Pertandingan “Merekacipta Video Animasi Kefahaman Islam Untuk Penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT)”.

Pada 15.2.2022 Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, telah ditemu bual dalam slot Assalamualaikum di TV Al Hijrah yang telah berlangsung sempena program Sambutan Ulang Tahun Penubuhan IKIM Ke-30.

## PELANCARAN “PERTANDINGAN MEREKACIPTA VIDEO ANIMASI KEFAHAMAN ISLAM UNTUK PENUNTUT INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)”



Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah melancarkan Pertandingan “Merekacipta Video Animasi Kefahaman Islam Untuk Penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT)”. Pertandingan yang berlangsung selama 3 bulan bermula pada 8 Mac 2022 hingga 7 Jun 2022. Para penuntut IPTA dan IPTS yang berminat dipelawa untuk menghantarkan karya mereka mengikut tema serta syarat-syarat yang telah pun ditetapkan.

Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan penghasilan video animasi kefahaman Islam bagi membina minda Islami dalam kalangan masyarakat; menggalakkan penghasilan video animasi yang dapat mendidik dan menanamkan nilai-nilai sejagat kepada khalayak; menambahkan koleksi video animasi seumpama ini untuk tatapan khalayak dan mencungkil potensi video animasi sebagai medium untuk memberi kefahaman Islam kepada masyarakat Malaysia khususnya, serta masyarakat global, amnya.

Pertandingan ini menawarkan hadiah bernilai RM15,000 untuk tempat pertama, RM10,000 tempat kedua, RM5,000 tempat ketiga dan lima (5) hadiah saguhati yang bernilai RM1,000 setiap satu beserta Sijil Penyertaan tajaan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Pada 24 Mac 2022 dalam slot Assalamualaikum di TV Al Hijrah telah berlangsung satu program bagi mempromosi Majlis Apresiasi Carta Nasyid IKIM. IKIM diwakili oleh penerbit program, Encik Mohd Erwan bin Johari Pengurus Muzik Radio / Penerbit Majlis Apresiasi carta Nasyid IKIM.

Pada 17.2.2022 Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, telah di temu bual sempena Sambutan Ulangtahun IKIM yang ke-30 dalam slot Selamat Pagi Malaysia di RTM.

Pengarah Hospital Pakar Al-Islam, Dr Ishak bin Mas'ud, telah ditemu bual berkaitan Program Seminar Puasa Dan Kesihatan: Maqasid Puasa Dan Tahap Kesihatan Yang Baik Dalam Mencari Ketakwaan dalam slot Assalamualaikum di TV Al Hijrah pada 19.3.2022.

Pengurus Pembangunan Ekonomi dan Kawalan Kredit, En. Johari bin Omar telah ditemu bual TV Al Hijrah bertajuk Promosi Terbaharu IKIM Niaga dalam slot Assalamualaikum pada 21.2.2022.

## WACANA MEDIA "PENDEKATAN ELEMEN POPULAR DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH ISLAM"



Pn. Hajah Nik Hasnah bin Ismail, Pengacara program sempena Wacana Media "Pendekatan Elemen Popular Dalam Penyampaian Dakwah Islam" yang berlangsung secara dalam talian pada 8 Mac 2022.

Bersempena ulang tahun IKIM yang ke 30 pada 18 Februari 2022 satu program wacana media bertajuk “Pendekatan Elemen Popular Dalam Penyampaian Dakwah Islam” telah dianjurkan pada 8 Mac 2022. Program ini dilihat penting bagi berkongsi pandangan dan pengalaman panel dalam mengendalikan tugas di radio yang terlibat dengan penerbitan rancangan, on-air, penganjuran acara atau apa sahaja tugas yang berkaitan dengan radio. Format program berbentuk forum membuka ruang kepada perancangan yang lebih inklusif yang melibatkan ahli panel iaitu Encik Namanzee bin Harris, Ketua Pegawai Eksekutif TV Al Hijrah, Prof. Madya Dr. Mohd. Faizal bin Kasmani, Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia dan Encik Risham bin Abdul Manap, Penerbit Radio Salam, JAKIM.

## LAWATAN KERJA AMNA BALOCH, TYT PESURUHJAYA TINGGI PAKISTAN KE INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM).



Lawatan Kerja Amna Baloch, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, TYT Amna Baloch ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang disambut oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.

Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, telah menerima kunjungan hormat TYT Amna Baloch, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan di Malaysia, pada 9 Mac 2022. Kunjungan hormat ini untuk sesi suai kenal, perbincangan serta pertukaran pengalaman berkaitan isu-isu perkembangan Islam di Malaysia dan antarabangsa.

## SEMINAR “PUASA DAN KESIHATAN: MAQASID PUASA DAN TAHAP KESIHATAN YANG BAIK DALAM MENCARI KETAKWAAN”



Ucapan aluan oleh Dr. Ishak bin Mas'ud, Pengarah Hospital Pakar Al-Islam sempena Majlis perasmian “Seminar Puasa dan Kesihatan: Maqasid Puasa dan Tahap Kesihatan yang Baik Dalam Mencari Ketakwaan” pada 16 Mac 2022 di Dewan Besar IKIM anjuran bersama IKIM dan Hospital Pakar Al-Islam.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Hospital Pakar Al-Islam telah menganjurkan Seminar Puasa dan Kesihatan 2022 secara hibrid pada 16 Mac 2022, bertempat di Dewan Besar IKIM. Seminar ini membawa tema “Maqasid Puasa dan Tahap Kesihatan Yang Baik Dalam Mencari Ketakwaan”. Objektif seminar ini dilaksanakan untuk memberi penerangan berkaitan Maqasid Puasa di dalam menghadapi Madrasah Ramadan tahun ini bagi menyemarakkan sambutan Ramadan dalam kalangan masyarakat dan memberi garis panduan bagi pesakit dan perse-diaan untuk berpuasa dalam usaha mencapai kecemerlangan beribadah.

Perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

## MAJLIS APRESIASI CARTA NASYID IKIM



Majlis Penyerahan Hadiah Kepada Pemenang Carta Nasyid Oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, disaksikan oleh Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM Kepada Juara Anugerah Lagu Terbaik, Halim Ahmad & Furqan Fawwaz.

Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menganjurkan Majlis Apresiasi Anugerah Carta Nasyid IKIM yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat industri nasyid tanah air yang disiarkan melalui rancangan Carta Nasyid IKIM.

Majlis Apresiasi Carta Nasyid IKIM telah dianjurkan bersempena Sambutan Ulang tahun IKIM ke - 30 di Dewan Sajian IKIM dengan menobatkan lagu bertajuk ‘Lembaran Juzuk Cinta’ nyanyian Halim Ahmad dan Furqan Fawwaz sebagai Juara Anugerah Lagu Nasyid Terbaik.

Penganjuran Majlis Apresiasi Carta Nasyid ini adalah untuk memberi penghargaan kepada penggiat industri nasyid sama ada daripada kalangan penulis lirik, penyanyi dan komposer.

## MAJLIS PERSARAAN DAN PERPISAHAN



Berdiri Dari Kiri Ke Kanan : Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Bin Mohamaed Adil, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Bin Hassan, Pengerusi IKIM dan Tan Sri Shekh Razali, Mantan Timbalan Pengerusi IKIM dalam Majlis Persaraan dan Perpisahan Anjuran IKIM .



Berdiri Dari Kiri Ke Kanan : Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Bin Mohamaed Adil, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Bin Hassan, Pengerusi IKIM dan Prof. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Mantan Ketua Pengarah IKIM dalam Majlis Persaraan dan Perpisahan Anjuran IKIM .

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan majlis persaraan dan perpisahan bagi meraikan Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Mantan Timbalan Pengerusi IKIM yang telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah IKIM bermula 20 Oktober 2008 sehingga 30 September 2021, Prof. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Mantan Ketua Pengarah IKIM yang mula berkhidmat pada 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2021, Puan Sarina binti Othman, Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan yang mula berkhidmat di IKIM pada 31 Mei 1994 dan mula bersara pada 31 Mac 2022 dan Encik Ayob bin Hassan, Mantan Pembantu Tadbir di Unit Perhubungan Korporat mula berkhidmat di IKIM pada 10 Januari 2011 sehingga 28 Februari 2022. Jasa dan sumbangan YBhg. Tan Sri Sheikh, YBhg. Datuk Azizan, Puan Sarina dan Encik Ayob amat bermakna kepada warga IKIM khasnya dan IKIM amnya.

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM  
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM  
50480 KUALA LUMPUR



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



myIKIM



@myIKIM



IKIM